

06 OCT 1998

Mahathir-Pecat

10 ANGGOTA UMNO DIPECAT KERANA MENENTANG PARTI

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Sepuluh anggota Umno dipecat kerana menentang parti dan 18 orang lagi termasuk bekas Ketua Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi diberi surat tunjuk sebab mengapa mereka tidak boleh dipecat daripada parti.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini malam ini.

Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat lebih tiga jam itu, berkata mereka dipecat kerana terdapat bukti yang jelas bahawa mereka terlibat dalam kegiatan menentang parti baru-baru ini ekoran pemecatan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kabinet dan parti pada 2 Sept lepas.

Mereka yang dipecat ialah Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Saifuddin Nasution Ismail, Ketua Pemuda Negeri Sembilan Ruslan Kassim, Ketua Pemuda Pulau Pinang Dr Abdul Rahim Ghouse dan Naib Ketua Pemuda Petaling Jaya Selatan Ezam Mohd Noor yang juga bekas setiausaha politik Anwar.

Yang lain ialah Ketua Pemuda Pasir Mas Dr Wan Hasni Wan Sulaiman yang juga Pengerusi Abrar Group International, Mohd Yahya Mohd Sharif, Abdul Shafid Omar dan Putus Omar dari Bahagian Kuala Selangor, Lokman Adam (Seri Gading) dan Baharudin Ibrahim (Rasah).

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu bersetuju menerima kembali bekas anggota exco negeri Kedah Datuk Dr Wan Azmi Arifin yang juga bekas anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Jeneri sebagai anggota parti selepas tiga tahun dipecat kerana menyokong parti lawan pada pilihan raya umum 1995.

Perdana Menteri berkata MT juga bersetuju melantik Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein memangku jawatan ketua pergerakan itu yang dikosongkan oleh Zahid pada Jumaat lepas.

Zahid mengumumkan peletakan jawatannya dua hari selepas dibebaskan daripada tahanan selama sembilan hari mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana disyaki terbabit dalam kegiatan yang mengancam keselamatan negara.

Zahid, yang memenangi jawatan itu pada perhimpunan parti dua tahun lepas, meletakkan jawatan itu setelah didesak berbuat demikian oleh sebilangan besar anggota Exco pergerakan itu yang hilang kepercayaan kepimpinannya.

-- BERNAMA

SJA NAK